

Kuasa TTPM, TTPR sudah memadai

Written by Administrator

Monday, 14 September 2009 11:53 -

Kosmo - 23 February 2006

KUALA LUMPUR ♦
♦Kuasa yang ada sudah memadai.♦

Demikian reaksi Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk, S. Veerasingam mengenai cadangan beberapa persatuan pengguna agar kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) ditambah.

Menurutnya, Syeksen 117, Akta Perlindungan Pengguna 1999 memperuntukan kuasa yang secukupnya kepada TTPM untuk memastikan setiap keputusan atau award dipatuhi.

Sebaliknya, Veerasingam menjelaskan kementerianya kini menekankan kepada penguatkuasaan pelaksanaan award tersebut yang diakuinya agak longgar.

♦Walaupun kes ingkar award cuma lima peratus, tapi kami ambil serius perkara ini,♦ katanya ketika dihubungi KOSMO! semalam.

Laporan KOSMO! Ahad lalu memdedahkan, kuasa TTPM dan TTPR seakan-akan diperlekehkan kerana ada perniaga dan syarikat mengendahkan award yang dikeluarkan kedua-dua tribunal itu.

Justeru itu, beberapa persatuan meminta supaya kuasa TTPM dan TTPR ditambah bagi memastikan award yang dikeluarkan kedua-dua tribunal itu tidak diingkari sewenang-wenangnya.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan and Kerajaan Tempatan (KPKP), Dr. S Subramaniam turut meminta supaya pembeli rumah yang mengadu kepada TTPR tidak gusar kerana tribunal tersebut dilindungi oleh Akta Pemajuan Perumahan(Kawalan dan Perlesenan) 1996.

Malah, beliau menyifatkan kes ingkar award TTPR cuma kes terpercil kerana hanya kebanyakannya dipatuhi.♦Hanya 15 pemaju sahaja yang didakwa di makamah kerana ingkar award,♦ katanya.